

Tentukan kesahihan ahli

# Kuasa pada

B.H 22 JUN 1989

# Umno negeri

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Badan Perhubungan Umno Negeri diberi kuasa menetapkan cara menentukan kesahihan ahli yang boleh menghadiri mesyuarat Umno peringkat cawangan dan bahagian yang sedang berjalan sekarang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Badan Perhubungan Negeri juga diminta memastikan mesyuarat berkenaan berjalan lancar.

Beliau memberitahu pemberita demikian di Parlimen hari ini ketika diminta mengulas mengenai kekecohan dalam mesyuarat cawangan di beberapa negeri yang berkaitan dengan soal keahlian.

Ditanya mengenai cadangan Badan Perhubungan Umno Negeri Perak supaya ahli menunjukkan resit keahlian sebelum dibenarkan menghadiri mesyuarat, beliau berkata, terserahlah kepada Badan Perhubungan Negeri sendiri menentukan cara yang sesuai.

## Terjejas

"Kuasa sudah diberi kepada Badan Perhubungan Negeri untuk menyelesaikan apa juga masalah yang mungkin timbul dalam mesyuarat pemilihan jawatankuasa peringkat bahagian dan cawangan.

"Yang penting, badan perhubungan hendaklah menentukan perjalanan mesyuarat cawangan dan bahagian masing-masing tidak terjejas atau diganggu oleh sesiapa," katanya.

Beliau juga berkata, beliau

Oleh JAILANI  
HARUN

tidak fikir badan perhubungan semua negeri akan menghadapi masalah melaksanakan kuasanya berhubung mesyuarat agung cawangan dan bahagian.

Mengenai pindaan Akta Pilihanraya, Perdana Menteri menjelaskan bahawa Peguam Negara sudah pun dimaklumkan mengenai, tetapi banyak perkara perlu ditimbang sebelum tindakan selanjut boleh diambil.

Beliau berkata adalah sukar untuk menentukan bila pindaan itu akan dibuat.

"Ia bukanlah satu kerja senang. Walaupun saya sudah merujukannya kepada Peguam Negara, banyak perkara yang perlu diambil kira sebelum pindaan akta ini dibuat," katanya.

Menurutnya, pindaan itu penting bagi menghalang atau menyekat mana-mana Ahli Parlimen meletakkan jawatan secara sengaja tanpa sebab munasabah.